

22/07/2000

Tiga letupan di kuil, dua di kilang arak

KUALA LUMPUR, Jumaat - Sekurang-kurangnya tiga letupan menggegarkan sekitar Kuil Sri Subramaniamswami, Batu Caves dekat sini beberapa hari selepas kem tentera di Grik dirompak pada 2 Julai lalu.

Dalam kejadian kira-kira jam 1.30 pagi itu, letupan pertama, dipercayai dilepaskan senjata berat, terkena dinding tandas, manakala tembakan kedua dilepaskan beberapa saat selepas itu mengenai anak tangga ke-130 ke kuil di puncak bukit itu.

Akibat tembakan itu, dinding dan anak tangga mengalami kerosakan kecil. Bagaimanapun, serpihan kecil pada dinding dan anak tangga itu sudah diperbaiki.

Tembakan ketiga yang dilepaskan kira-kira lima minit selepas itu terkena pokok di kaki bukit di luar kuil. Ketiga-tiga tembakan itu dipercayai dilepaskan dari persimpangan bertingkat, kira-kira 200 meter dari kuil berkenaan.

Ahli jawatankuasa kuil itu, R Joganathan, berkata ketika tembakan dilepaskan, dia menonton televisyen di pejabat Rela di kuil berkenaan, yang terletak kira-kira 10 meter dari tandas.

Beliau menyangka letupan itu akibat batu jatuh dari atas bukit. Sekeping cermin tingkap pejabat Rela itu pecah terkena serpihan objek keras yang dipercayai digunakan sebagai bahan letupan.

"Beberapa saat selepas bunyi leputan kuat serta gegaran, satu lagi letupan kedengaran, diikuti letupan ketiga kira-kira lima minit selepas itu. Selepas letupan ketiga, saya keluar dari pejabat dan melihat sekeliling.

"Bagaimanapun, saya tidak nampak apa-apa kerana gelap. Keesokannya, apabila melihat serpihan besi dan aluminium bertaburan berhampiran tandas, saya mengesyaki sesuatu dan membuat laporan polis," katanya ketika ditemui di kuil itu, hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam Wawancara Khas Bersama Perdana Menteri, kelmarin berkata maklumat laporan awal menunjukkan kumpulan Al-Ma'unah, menembak sebuah kuil dan kilang arak.

Sementara itu, pengerusi kuil berkenaan, R Nadarajah meminta semua pihak tidak memperbesarkan kejadian itu kerana ia boleh mencetuskan keadaan yang tidak diingini.

"Selain menjadi tempat ibadat penganut Hindu, kuil ini juga adalah antara tempat tumpuan pelancong termasuk dari luar negara," katanya sambil menjelaskan, lebih 1,000 pelancong mengunjungi kuil itu setiap hari.

Pengarah Urusan Carlsberg Brewery Malaysia Berhad (Carlsberg), Datuk Jorgen Bornhoft pula mengesahkan dua letupan berlaku di kilang arak itu pada awal pagi 3 Julai lalu.

"Bagaimanapun kami tidak tahu siapa melakukannya dan senjata yang digunakan. Kami bernasib baik kerana tidak ada sesiapa tercedera dan tidak mengalami kerosakan," katanya sambil menjelaskan kes itu juga tidak mengganggu urusan harian kilang berkenaan.

Bornhoft berkata, pihaknya memberi kerjasama kepada polis yang menjalankan siasatan segera selepas dimaklumkan mengenainya.

(END)